MABOPA

Malaysian Book Publishers Association

(PPM-002-10-14011989)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-54

Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Hotel Armada Petaling Jaya

SELASA • 21 MAC 2023 • 10:00 PAGI

2023

Mesyuarat Agung Tahunan ke-54

21 Mac 2023

Disusun dan diterbitkan oleh:

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
7-6, Blok E2, Jalan PJU 1/42A,
47301 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: +603 7880 5840 ; Fax: +603 7880 5841
E-mel: info@mabopa.com.my
www.mabopa.com.my

KANDUNGAN

1.0
Senarai Ahli-Ahli MABOPA
Yang Berdaftar Sehingga 1 Mac 2023

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 Mac 2023

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
1	202210	3 Pearl I Resources	Ady Fazlee bin Mahad
2	201207	Abadi Ilmu Sdn Bhd	Roziah bt Mat Sani
3	202306	AcePremier.com Sdn Bhd	John Lim
4	202204	Adana Enterprise	Norhayati binti Harun
5	202207	Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd	Najihah binti Ahmad Azam
6	201107	Al Baghdadi Method Sdn Bhd	Jalaluddin bin Hj Hassanuddin
7	200615	Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd	Hj Che Mazlan Hj Saad
8	201604	Al-Hidayah House Of Publishers Sdn Bhd	Abdul Rahman bin Samsudeen
9	201403	Ana Muslim Sdn Bhd	Azizuddin Ahmad
10	201717	Anaasa Publication	Azilawaty Muda
11	200703	Aras Mega (M) Sdn Bhd	Sheikh Sirhan Bakatal bin Ahmad Bakatal
12	200809	Ar-Risalah Product Sdn Bhd	Abdul Rahman bin Samsudeen
13	200711	Asia Galaxy Sdn Bhd	Siatan Ahmad
14	198605	Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd	Steven Lee
15	202007	Attin Press Sdn Bhd	Sulaiman Ali
16	201710	Azimath Publications	Faridah binti Mat Saman
17	200404	Beh-Er Publication Sdn Bhd	Jennifer Ng
18	200303	Berlian Publications Sdn Bhd	Noor Ali Hameed
19	201611	Bestari Karangkraf Sdn Bhd	Izzat Izhar bin Muhammad Nasir
20	201108	Buku Fixi Sdn Bhd	Amir Muhammad
21	200001	Cemerlang Publications Sdn Bhd	Vincent Gow
22	201405	CLJ Malaysia Sdn Bhd	Rostinah Mohamad Gaus
23	202310	Comic Holic Sdn Bhd	Lee Nai Kang
24	200004	Crescent News (K.L) Sdn Bhd	S. Ahamed Kabeer
25	201813	Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn Bhd	Siti Zalina Omar
26	202212	Darr Omar Al-Mokhtar Sdn Bhd	Ibrahim Ahmed Ibrahim
27	198711	Darulfikir	Siti Fitiyah Hanum Mohamad
28	198513	Dewan Bahasa Dan Pustaka	Tuan Haji Razali Che Mat
29	202201	Dua Penulis PLT	Norsa'adah bt. Ahmad
30	200708	E Media Multimedia Group Sdn Bhd	Ishak Hamzah
31	200206	Edaran Kemajuan (M) Sdn Bhd	Zawiah Ghani
32	198816	Eddiplex Sdn Bhd	Steven Khoo
33	200204	Eliteguh Industries Sdn Bhd	Sarah Hoe
34	201212	Evergreen Publisher Sdn Bhd	Rachel Poon
35	200721	Fajar Pakeer Sdn Bhd	Hj Pakeer Mohamed
36	200205	Fargoes Books Sdn Bhd	MH Ershad Ahmad Hj. Mohd Haneefa
37	200803	Galeri Ilmu Sdn Bhd	Hj Mohd Yusri bin Mohd Yusof
38	200903	GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd	Chong Ton Sin
39	200307	Gemilang Publishing Sdn Bhd	Koh Yok Hwa
40	202209	Geroda Merah Resources	Mohd Herman bin Roslan
41	201005	Global Mediastreet Sdn Bhd	CK Mok
42	198210	Golden Books Centre Sdn Bhd	Dato Dr. Hj Syed Ibrahim
43	198303	Grolier (Malaysia) Sdn Bhd	Walter Lee

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 Mac 2023

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
44	201106	Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd	Azizi Bin Fikry
45	200614	Grup Majalah Karangkraf Sdn Bhd	Azizi Bin Fikry
46	201103	H & K Educational Sdn Bhd	Tan Boon Kiat
47	200102	Heng Hui Enterprise Sdn Bhd	Henry Leung Yih Shyng
48	202211	Hilal Asyraf Resources	Muhammad Hilal Asyraf bin Abd Razak
49	198807	Hup Lick Publishing (M) Sdn Bhd	Lee Nai Khang
50	200203	Hypersurf Corporation Sdn Bhd	Z. H. Lo
51	202303	IBDE Ilham Sdn Bhd	Ainunl Muaiyanah Bt Muhammad Sulaiman
52	198209	IBS Buku Sdn Bhd	M.T Balan
53	201406	Idea Kreatif Publication	Hani Fazuha
54	201905	IIUM Press	Roosfa Hashim
55	201512	Iman Publications	Fatin Syamimy Liana Badaruddin
56	200605	Impiana Publications & Distributors Sdn Bhd	Desmond T.H Chee
57	201519	IMS Books Trading Sdn Bhd	Datuk Haji Mohidin bin Abdul Hamid
58	201111	In Team Publishing Sdn Bhd	Mohd Syahril bin Ab. Khalid
59	201718	Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad	Sakri Abdullah
60	202002	Integra Creative Media Sdn Bhd	Linda Tan
61	198507	International Law Book Services	Dato Dr. Hj Syed Ibrahim
62	202301	JT Publishing House Sdn Bhd	Nuraidah Binti Haji Abd. Hamid
63	201606	Kadokawa Gempak Starz Sdn Bhd	Chris Yew Chen Han
64	202006	Kaseh Aries Publication Sdn Bhd	Zainuriah Abd Rahman
65	201802	Kasi Terbit PLT	Rohaniah Noor Jahron
66	201101	Kelas Buku Sdn Bhd	Zainora Muhamad
67	199402	Kohwai & Young Publications (M) Sdn Bhd	Young Poh Loon
68	200207	Kualiti Books Sdn Bhd	Raymond Yeo Chin Hean
69	201006	Kumpulan Desa Fikir Sdn Bhd	Datin Nor Azian binti Ismail
70	201809	Latip Dan Keluarga Enterprise	Abdul Latif Bin Talib
71	201713	Lovenovel Enterprise	Alida binti Jusoh
72	201703	Maghfirah Pustaka (M) Sdn Bhd	Mohd Nor Afendi bin Ab Manan
73	198405	Malaysian Book Centre	V. Kaladevi
74	202304	Manes Wordworks	Munirah binte Jaafar
75	201705	Maple Comics Sdn Bhd	Fairul Nizam bin Ablah
76	202101	Maxim Press & Publication Sdn Bhd	Shenthil Nathan
77	200411	Maya Press Sdn Bhd	Law King Hui
78	200310	McGraw-Hill (Education) Malaysia Sdn Bhd	Daniel Chee
79	199703	MDC Publishers Sdn Bhd	Ahmad Hussein Thajudeen
80	200607	Mika Cemerlang Sdn Bhd	Marvin Ooi Peng Lam
81	200111	Mind To Mind (M) Sdn Bhd	Shenthil Nathan
82	201201	Moy Publications Sdn Bhd	Azrul Izar Abd Wahab
83	200613	MPH Group Publishing Sdn Bhd	Kuah Sze Mei
84	200402	Multi-Educational Book Enterprise	P.R. Mohan
85	200904	Must Read Sdn Bhd	Abdul Kahar Abdul Hamid
86	200710	Navision (M) Sdn Bhd	Joshua Hoe Chen Ming

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 Mac 2023

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
87	201303	Nilam Publication Sdn Bhd	Tee Chee Chong
88	202009	Nuha Creative Resources	Mohamed Nasser Mohamed
89	202202	Nukilan Biruni Trading	Ahmad Mustaqim bin Ahmad
90	201601	Nur El-Hikmah	Muhammad Faris bin Zulkharnane
91	202208	Nusa Centre	Syed Mohd Zakir Syed Othman
92	200302	Odonata Publishing Sdn Bhd	Khor Shuqi
93	201008	Orbit Buku Sdn Bhd	Law King Hui
94	200911	Pan Asia Publications Sdn Bhd	Chia Hai Chew PMC
95	197302	Pan Malayan Publishing Co. Sdn Bhd	Dr. Tan Tat Chin
96	201901	Patriot Publishing Sdn Bhd	Syazrul Aqram Iman Sulaiman
97	196901	Pearson Malaysia Sdn Bhd	Nur Azdalia binti Abdul Malek
98	200718	Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd	Mohammad Haikal Bin Abdul Halim Pekan
99	201908	Penerbit Alami Sdn Bhd	Wan Mohd Rashidi bin Wan AB Rashid
100	200909	Penerbit Ilmu Bakti Sdn Bhd	Lee Yiau Kuang
101	201608	Penerbit Mahir Sdn Bhd	Yasmin Yusoff
102	198702	Penerbit Prisma Sdn Bhd	Wong Peng Khuen
103	202010	Penerbit UiTM	Prof. Dr. Ghazali bin Daimin
104	201906	Penerbit UMP	Muhammad Azli bin Shukri
105	202103	Penerbit UniSZA	Tengku Mohd. Saifuddin Engku Jalal
106	198302	Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia	Datin Dr. Saadah Hj. Jaffar
107	196906	Penerbit Universiti Malaya	Adam Wong Abdullah
108	201903	Penerbit Universiti Malaysia Kelantan	Azman bin Hashim
109	199802	Penerbit Universiti Putra Malaysia	Kamariah Mohd. Saidin
110	202003	Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia	Hariza Mohd Yusof
111	202102	Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad
112	199101	Penerbit Universiti Teknologi Malaysia	Yosman Mohd Bain
113	202011	Penerbit UPSI	Azlan Mohd Dahari
114	200401	Penerbitan Bangi Sdn Bhd	Wong Liang Sim
115	198908	Penerbitan Fargoes Sdn Bhd	MH Ershad Ahmad Hj. Mohd Haneefa
116	201804	Penerbitan Inspirasi Sdn Bhd	Teoh Heng Yee
117	198706	Penerbitan Jaya Bakti Sdn Bhd	Dato' Dr. Silvaraju
118	201602	Penerbitan Karyaseni Sdn Bhd	Fatin binti Mohd Nasir
119	201801	Penerbitan Kata Pilar (M) Sdn Bhd	Ahmad Fadhlil Mohamad Pakarul-Razy
120	202308	Penerbitan Kuras Buku	Hafiz Latiff
121	200109	Penerbitan Nadi Ilmu Sdn Bhd	Sekri Bin Hamat
122	198201	Penerbitan Pelangi Sdn Bhd	Sum Lih Kang
123	202314	Penwings Publishing	Alina Wong
124	200701	Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia	Sumitha Thavanendran/Muhammad Ajad
125	202309	Prolog Media	Syed Iskandar
126	201516	PTS Media Group Sdn Bhd	Arief Hakim Sani bin Rahmat
127	202311	Pusat Tuisyen Aster (M) Sdn Bhd	Azrul Azlan Yahya
128	201304	Pustaka Al-Ehsan	Zainura binti Zainal Abidin
129	201506	Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd	Mohd Firdaus Ahmad

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 Mac 2023

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
130	201514	Pustaka Darul Iman	Norazlin bt Ismail
131	202203	Pustaka Permata Ummah Sdn Bhd	Siti Nurul Afiqah binti Sazali
132	202312	Rabak Literature Publication	Mohammad Izzat Amir
133	201007	Rimbunan Ilmu Sdn Bhd	Dato' Mohd Salleh bin Saidin
134	202008	Rimbunan Publishing House Sdn Bhd	Irnie Suhaida Musa@Mustafa
135	198814	S. Abdul Majeed & Co. Sdn Bhd	Harun Rashid
136	201610	SAP Publications (M) Sdn Bhd	Ang Wooi Kok
137	198606	Sasbadi Sdn Bhd	Chok Siew Sin
138	200805	Sasmurni Bakti Sdn Bhd	Lee Nai Chuang
139	201902	Scholastic (ASIA) Sdn Bhd	Selina Lee
140	201806	Sentap Press Sdn Bhd	Muhammad Mahdi Bin Mohd Tholaat
141	201715	Shake Book Projects Sdn Bhd	Sheikh Faisal Sheikh Mansor
142	202313	Sifu Mandarin Consulting PLT	Mohd Saiful Nizam bin Mohd Nasir
143	201810	Sifufbads Press Sdn Bhd	Siti Afzan
144	201401	SR Publication	Mazelan bin Zainol Abidin
145	202001	Sunway University Sdn Bhd	Carol Wong
146	202305	Tebook House Sdn Bhd	Noor Jeehan Binti Adam
147	201404	Telaga Biru Sdn Bhd	Datuk Dr Hj Zahazan Mohamad
148	202205	Tertib Publishing	Mazliati Binti Mazlan
149	202206	The Biblio Press Enterprise	Kiridaren Jayakumar
150	202302	The Hamare Project Collection	Wani Syafiqah Adnan
151	197203	The Malaya Press Sdn Bhd	Lew Yok Long
152	201814	Toad Publishing & Distributions Sdn Bhd	Dato' Inder Singh A/L Beant Singh
153	200003	Tunas Pelangi Sdn Bhd	Chiam Choon Seang
154	200609	UMA Publications	Sivabalan Sothinathan
155	199008	United Publishing House (M) Sdn Bhd	Chai Jing Feng
156	200601	UPA Press Sdn Bhd	Yeong Choon Hong
157	197701	Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd	Ahmad Razif Bin Mohamed
158	201904	UUM Press	Prof. Dr. Hamidi Ismail
159	202307	Wasapower Group Sdn Bhd	Mohd Khairul Izham bin Khairul Azhari
160	202004	Whitecoat Group Sdn Bhd	Ahmad Nabieh Abqory Rahmat
161	201808	Xentral Methods Sdn Bhd	Zulaiha Binti Mohd Nawi
162	200702	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	Zalilah Bahari
163	200403	YM Haruman Jiwa Sdn Bhd	Liu Hann Wen
164	201211	Zeti Enterprise	Hj Ibrahim bin Talib
165	202213	Zharf Press Enterprise	Asrul Effendi

[Mukasurat ini dibiarkan kosong dengan sengaja.]

2.0
Notis-Notis Mesyuarat

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
(PPM-002-10-14011969)
No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ke-54

Notis Awal

Dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) yang ke-54 akan diadakan pada hari **Selasa, 21 Mac 2023** pada jam **10.00 pagi** di **The Latitude, Level 1, Hotel Armada Petaling Jaya**. Notis akhir, Agenda Mesyuarat Agung Tahunan dan Laporan Tahunan Mesyuarat akan dihantar kepada ahli-ahli melalui e-mel di *mabopaonline* dan juga di WhatsApp Broadcast MABOPA.

Ahli-ahli dialu-alukan untuk menghantar cadangan usul untuk perbincangan atau usul untuk pindaan peraturan perlembagaan. Ahli-ahli juga dijemput untuk mengemukakan pencalonan bagi jawatan-jawatan berikut:

Presiden	- 1 pencalonan
Timbalan Presiden	- 1 pencalonan
Naib Presiden	- 2 pencalonan
Setiausaha Kehormat	- 1 pencalonan
Bendahari Kehormat	- 1 pencalonan
Ahli Eksekutif	- 7 pencalonan

Semua usul dan pencalonan mestilah dibuat secara bertulis dan mesti dihantar kepada Setiausaha Kehormat **selewat--lewatnya pada 7 Mac 2023** melalui alamat e-mel di info@mabopa.com.my.

Sukacita diingatkan bahawa penyertaan ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mematuhi peraturan perlembagaan klausa 4.5 yang menyatakan bahawa:

Any member who fails to pay his annual subscription by 1st March or the date of the Annual General Meeting, whichever is the earlier, shall not be allowed to attend General Meetings, vote, stand for election, submit nominations for Office-bearers, move motions for discussions and other privileges of membership.

Sekian.
Terima kasih.

Sheikh Faisal Sheikh Mansor
Setiausaha Kehormat Sesi 2021/2023
19 Februari 2023

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
(PPM-002-10-14011969)
No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Mesyuarat Agung Tahunan ke-54

Notis Mesyuarat

Mesyuarat Agung Tahunan ke-54 akan diadakan pada hari **Selasa, 21 Mac 2023 pada jam 10.00 pagi** di **The Latitude, Level 1, Hotel Armada Petaling Jaya**.

Agenda Mesyuarat :

1. Ucapan dari Presiden.
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53.
3. Hal-hal Berbangkit.
4. Laporan Jawatankuasa Eksekutif 2022/2023.
5. Pengesahan Penyata Kewangan Tahunan Berakhir 31 Disember 2022.
6. Cadangan Usul.
7. Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif 2023/2025

a. Presiden	- 1 pencalonan
b. Timbalan Presiden	- 1 pencalonan
c. Naib Presiden	- 2 pencalonan
d. Setiausaha Kehormat	- 1 pencalonan
e. Bendahari Kehormat	- 1 pencalonan
f. Ahli Eksekutif	- 7 pencalonan

8. Pelantikan Juruaudit Dalaman *(Internal Auditor)* Untuk Tahun 2023
9. Pelantikan Juruaudit Luar *(External Auditor)* Untuk Tahun 2023
10. Hal-hal lain

Sekian.

Sheikh Faisal Sheikh Mansor
Setiausaha Kehormat
14 Mac 2023

[Mukasurat ini dibiarkan kosong dengan sengaja.]

3.0
Minit Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-53

Tajuk	: Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-53
Tarikh	: 23 April 2022
Masa	: 9.00 pagi
Tempat	: Platform Aplikasi Zoom
Kehadiran	: Sila rujuk senarai kehadiran di **Lampiran A**.

Setiausaha Kehormat telah maklumkan kepada mesyuarat iaitu pada jam 9.26 pagi seramai 27 ahli yang sah telah mendaftar dan 2 pemerhati hadir mesyuarat.

1.0 Ucapan Presiden

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali, terima kasih kepada ahli-ahli MABOPA yang dapat hadir pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kali ini kita menjalankan AGM secara online sekali lagi kerana kes jangkitan masih tinggi. Untuk menjaga keselamatan dan membolehkan seramai mungkin ahli hadir, Exco berpendapat cara online ini masih cara terbaik dalam waktu sekarang.

Moga-moga kita dapat menjalankan AGM dan pemilihan pada tahun depan secara fizikal dan bersemuka.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita ada beberapa berita yang baik untuk persatuan dalam satu tahun ini.

Pertama, adalah berkaitan projek baucar buku Semarak Membaca. Pada hujung tahun 2021, kita diberikan tanggungjawab untuk mengedarkan baucar buku bernilai RM 885 ribu kepada 167 kedai buku fizikal dan 1 kedai ebook.

Pada tahun 2022, kita sekali lagi diberikan tanggungjawab ini. Nilainya ditambah kepada RM 1.9 juta dan melibatkan jumlah kedai yang lebih besar iaitu 170 kedai buku fizikal, 200 penjual dalam Shopee, dan 1 kedai ebook.

MABOPA ingin merakamkan setinggi terima kasih kepada YB Datuk Seri Hajah Nancy Shukri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Perpustakaan Negara Malaysia yang menyalurkan bantuan ini kepada MABOPA. Terima kasih juga kepada rakan sokongan MBKM, MBA dan MAPIM yang membantu menjayakan agihan baucar buku.

Besar harapan kita supaya program ini ditambah peruntukannya pada tahun hadapan, dan boleh melibatkan lebih banyak kedai buku di seluruh negara.

Kedua, pesta buku sudah bermula kembali. Kita bermula dengan Pesta Buku Selangor pada hujung tahun 2021 yang segar dan berjaya. Kita ada Kuala Lumpur Alternative Bookfest (KLAB) yang sangat berjaya, diusahakan oleh team Jejak Tarbiyah, Patriot dan Fixi.

Selain itu, pelbagai pesta buku anjuran swasta dan anjuran agensi negeri juga sudah bermula.

Ibu kepada pesta buku iaitu PBAKL, juga akan kembali pada 3 hingga 12 Jun 2022 di WTC, Kuala Lumpur. PBAKL kali ini edisi fizikal dan online dengan Shopee. Ini menjadi PBAKL hibrid, untuk orang Lembah Kelang secara fizikal, dan seluruh negara umumnya melalui Shopee. Setakat 31 Mac 2022, sebanyak 147 syarikat telah mendaftar dan melibatkan 539 gerai. Bagi ahli yang bercadang untuk ambil bahagian, anda masih belum terlambat, gerai masih boleh ditempah.

Kembalinya PBAKL beri manafaat terus kepada ahli, dan kepada persatuan sendiri kerana kita ada peluang untuk mendapat profit share dari PBAKL 2022 nanti.

Ketiga, dari aspek kewangan FY2021. Kita mencatatkan keuntungan yang baik pada peringkat anak syarikat, MABOPA Events Sdn Bhd dan pada peringkat MABOPA sendiri. Terima kasih pada CEO Mabopa Events, Sdr Sheikh Faisal.

Realitinya, kita kehilangan pendapatan dari PBAKL selama 2 tahun ia tidak dianjurkan. Ada juga bisnes lama kita yang sudah tidak lagi viable seperti penerbitan direktori. Oleh itu, kita telah mempelbagaikan aktiviti mabopa kepada bisnes baru seperti pengurusan acara, yang telah memberikan hasil yang baik.

Hasil dari keuntungan ini, kita dapat menangguhkan kenaikan yuran keahlian, kita dapat menaikkan jumlah FD dalam bank, kita menambah satu orang staf kontrak, dan dapat menggantikan lantai pejabat MABOPA yang sudah buruk. Kita sentiasa cermat dalam menjaga dana persatuan.

Untuk perincian aspek kewangan nanti, akan diumumkan oleh Bendahari kita, Sdr Sum Lih Kang.

Keempat, kita ada laman web yang telah diperbaharui sepenuhnya, dari *backend* sampai ke *frontend*. Ini usaha keras oleh Sdr Shu Qi. Ada banyak lagi *features* baru yang akan diperkenalkan menggunakan laman web ini nanti.

Kelima, sukacita juga saya maklumkan yang kita akan adakan *open house* Hari Raya. Sudah 2 tahun tidak ada aktiviti fizikal bersama ahli, besarlah harapan kami dari Exco supaya kami dapat bertemu secara bersemuka dengan ahli-ahli MABOPA semua, dalam *open house* Hari Raya nanti.

Tarikh dan lokasinya akan diumumkan oleh pengerusi *open house* Hari Raya, Saudara Syazrul Aqram.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Program Kuala Lumpur WBC sudah tamat, tetapi kita mesti meneruskan kesinambungan agenda WBC ini supaya dapat memberi manfaat kepada industri buku tempatan.

Antara usaha kita sekarang adalah seperti berikut;

Sdr Sheikh Faisal telah dilantik sebagai ahli panel dalam UNESCO World Book Capital Expert Group. Dalam kapasiti ini, beliau akan terus melobi supaya ada projek-projek dalam UNESCO WBC ini yang dapat dibuat di Malaysia.

Seterusnya, UNESCO juga telah melantik wakil MABOPA sebagai *fund raiser* untuk mencari dana dari pihak-pihak korporat Malaysia, untuk menyumbang kepada aktiviti perbukuan tempatan. Penyumbang dana akan diberikan pengiktirafan sebagai rakan UNESCO.

Sebagai makluman, WBC tahun 2021 ialah Tblisi, Georgia. Tahun 2022 akan diserahkan ke Guadalajara, Mexico. Tahun 2023 WBC pergi ke Accra, di Ghana.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada tahun ini, Exco MABOPA telah bersetuju untuk memohon menaiktaraf keahlian kita dalam IPA dari *Provisional Member* kepada *Full Member*. Saya kira ini satu *homecoming* juga untuk MABOPA. Pada satu masa dahulu, kita pernah menjadi *Full Member* di IPA, dan kemudian atas sebab-sebab tertentu, kita terpaksa menarik diri.

Kita sedang menunggu keputusan dari *Freedom to Publish Committee*, dan *Membership Committee* di sebelah IPA. Jika berjaya, kita akan dimaklumkan pada *IPA General Assembly* akan datang pada bulan September.

Kalendar aktiviti yang besar selepas ini ialah *IPA Congress 2022*. Pada tahun ini, *IPA Congress* akan dibuat di Jakarta pada bulan November nanti. Selama 2 hari, IPA akan membawakan pelbagai topik terkini dalam dunia penerbitan di kongress ini. Kami ingin mengajak seramai mungkin ahli MABOPA untuk menghadiri kongres ini nanti, dan mengambil manfaat sebaiknya.

Ahli MABOPA juga telah dapat akses kepada laman web IPA Academy. Pelbagai konten baru sedang ditambah dalam laman ini untuk manafaat ahli IPA. Di peringkat Exco, kita sedang melihat ruang mana ahli MABOPA boleh bergiat lebih aktif dalam domain IPA nanti.

Sama-sama kita manfaatkan ruang baru yang ada dalam IPA nanti.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Tahun ini akan jadi tahun yang sibuk buat MABOPA.

Sejak awal tahun lagi, kita mula berkempen untuk memperkenalkan badan kolektif perlesanan, MARC Berhad kepada masyarakat dan pihak kerajaan. Kita sudah ada CEO untuk MARC, iaitu Sdr Ahmad Hussein. Pada bulan lepas, beliau telah berkempen dengan membawa wakil WIPO sendiri, pergi ke KPM dan KPT, menjelaskan isu cetak rompak yang berlaku dalam sekolah dan universiti.

Kita sedang menjalankan proses pemilihan untuk Anugerah Buku MABOPA buat kali kedua. Kali ini, penyertaan yang diterima boleh dikatakan sangat menggalakkan, kerana kita telah mengenakan sedikit yuran berbanding tahun lepas. Objektif kita, supaya ABM ini menjadi salah satu alat untuk mengiktiraf, dan mempromosikan buku-buku terbaik terbitan ahli MABOPA. ABM ini diketuai oleh Timbalan Presiden, Tuan Haji Mazlan.

Pada bulan Jun, adalah pesta buku paling besar di Malaysia iaitu PBAKL 2022. Kita terlibat aktif dalam pengajuran PBAKL, bawah gabungan MBIC.

Seterusnya, pada bulan Julai nanti, kita menganjurkan *Educational Publishers Forum* kali pertama untuk Malaysia. EPF adalah satu forum bawah IPA, yang membincangkan pelbagai isu terkini dalam sektor buku akademik silibus. Tahun ini, kita akan anjurkan EPF Malaysia yang memfokuskan pada topik buku teks digital dan penggunaannya di sekolah. EPF Malaysia ini diketuai oleh Naib Presiden kita, Saudara Sivabalan.

Pada bulan September nanti kita dijadualkan akan menganjurkan pesta buku PJBX di Dewan Sivik, MBPJ. PJBX nanti akan diketuai oleh CEO Mabopa Events, Sdr Sheikh Faisal.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita akan membuat pemilihan barisan kepimpinan yang baru pada AGM tahun hadapan. MABOPA perlu terus menerus membangunkan barisan pelapis, bagi meneruskan perjuangan kita dalam industri buku tanahair.

Exco ingin menjemput ahli-ahli yang berminat untuk menyertai pemilihan tahun hadapan, untuk mula menonjolkan diri, dan menyumbang tenaga dalam aktiviti MABOPA. Ada banyak ruang yang boleh diisi oleh bakat-bakat baru dalam persatuan kita ini.

Seperti mana ahli sedia maklum, dalam MABOPA jawatan presiden hanya selama 2 penggal sahaja. Ini adalah penggal kedua untuk saya. Tahun hadapan kita ada Presiden baru. Dari barisan Timbalan, *Vice President*, Setiausaha Kehormat dan Bendahari pada hari ini, ahli ada pilihan orang-orang yang yang ada pengalaman, integriti dan *passion* untuk dipilih menjadi presiden pada tahun hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada orang yang menjadi tulang belakang MABOPA, Sdr Sheikh Faisal. Terima kasih kepada Puan Irdah, orang kuat pejabat MABOPA. Terima kasih pada barisan exco. Tak lupa kepada orang baru pejabat MABOPA, Saudari Fatin.

Sekali lagi, terima kasih kepada ahli-ahli MABOPA yang menyokong kami. Kami ini banyak kekurangannya.

Kepada ahli yang Muslim, selamat berjuang dalam 10 hari terakhir bulan Ramadan.

Kami barisan Exco mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri. Mohon maaf zahir dan batin. Semoga kita semua sihat, selamat dan bahagia.

Terima kasih.

Arief Hakim Sani Rahmat
Presiden 2021-2023
23 April 2022

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-52
Minit mesyuarat telah disahkan, dicadangkan untuk pengesahan oleh Raymond Yeo Chin Hean dari Kualiti Books Sdn Bhd dan disokong oleh Sivabalan Sothinathan dari UMA Publications.

3.0 Laporan Eksekutif 2021-2022
Setiausaha Kehormat melaporkan Laporan Eksekutif 2021-2022 kepada mesyuarat.

3.1 MARC
Ahmad Hussein melaporkan kepada mesyuarat bahawa MARC telah mendapat maklum balas yang positif daripada Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP). Usaha masih sedang dibuat kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. MARC juga telah membuat perjanjian *bilateral* dengan CLASS dari Singapura. Alamat web MARC ialah www.mymarc.org.

3.2 Laman Web MABOPA
Khor Shuqi melaporkan akan datang beberapa ciri tambahan akan dimasukkan lagi.

3.3 Anugerah Buku Malaysia (ABM)
Mesyuarat dimaklumkan plak dan trofi telah siap. Trofi dan plak ditunjukkan melalui Zoom kepada mesyuarat. Kelewatan membuat trofi adalah kerana pembekal telah tutup dan MABOPA terpaksa mencari pembekal lain dengan kos yang berpatutan.

3.3 Bukuku
Mesyuarat dimaklumkan bawasa AJK Eksekutif MABOPA berprinsip untuk tidak membantah platform Bukuku. Namun MABOPA berpendapat 20% untuk diberi kepada Bukuku adalah agak tinggi dan perlu diperhalusi. Kerja-kerja operasi Bukuku juga masih tidak jelas. Maka MABOPA akan fokus dan ambil perhatian terhadap isu ini.

4.0 Kewangan
Bendahari Kehormat melaporkan status kewangan MABOPA kepada mesyuarat.

Kewangan MABOPA bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diterima dan disahkan, dicadang oleh Raymond Yeo Chin Hean dari Kualiti Books Sdn Bhd dan disokong oleh Chok Siew Sin dari Sasbadi Sdn Bhd.

5.0 Cadangan Usul

5.1 Usul Pertama
Mencadang dan meluluskan penubuhan satu tabung khas dan/atau akaun khas di bawah seliaan MABOPA yang dinamakan sebagai 'Tabung Buku MABOPA', dengan fasal-fasal berikut ;

Objektif 'Tabung Buku MABOPA' ini ialah untuk mengumpul dana untuk membiayai aktiviti berkaitan program MABOPA yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat, industri buku dan ahli MABOPA.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini akan berusaha untuk mendapatkan status pelepasan cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri atau seumpamanya, dan mematuhi syarat, peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan status ini.

Kepentingan MABOPA dalam tabung khas dan/atau akaun khas ini akan diwakili oleh penama, yang dilantik dari kalangan ahli Jawatankuasa Eksekutif MABOPA, oleh Jawatankuasa Eksekutif MABOPA, untuk memenuhi mematuhi syarat, peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini akan mempunyai tatacara kewangan yang mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau seumpamanya, dan undang-undang yang berkaitan, dan berbeza dari tatacara kewangan semasa MABOPA seperti yang ditetapkan dalam perlembagaannya.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini, diasingkan sama sekali, tidak terkait dan tidak memberi kesan kepada kewangan MABOPA dalam sebarang bentuk atau cara.

Berikutan permintaan LHDN supaya Tabung Buku MABOPA yang ingin ditubuhkan ini boleh dipertimbangkan untuk kelulusan, saya ingin mengusulkan supaya Klausa 4 Perlembagaan MABOPA dimasukkan klausa di bawah ini, yang menyatakan:

'The Association is allowed to create a fund for charitable purposes to be named Tabung Buku MABOPA. The Board of Trustees of this fund must consist of at least 6 appointees, 50% of which must be third-party individuals deemed fit to be appointed by the Executive Committee, and the other 50% must be the President, Deputy President, Treasurer and other members to be appointed by the Executive Committee."

Usul telah dicadangkan oleh Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Shake Book Projects Sdn Bhd.

Cadangan usul ini telah diterima, dicadangkan oleh Che Mazlan Saad dari Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd serta disokong oleh Linda Tan dari Integra Creative Media Sdn Bhd.

5.2 Usul Kedua
Dicadangkan penambahan supaya klausa 4.3 Perlembagaan MABOPA menyatakan yang berikut:

"The Association to receive any forms of donation or contribution, cash or in kind. Donations or contributions in cash must be clearly and accurately declared in the Association's annual financial statement."

Usul telah dicadangkan oleh Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Shake Book Projects Sdn Bhd dan disokong oleh Awtar Singh dari Ladybug Publishing and Distribution.

Cadangan usul ini telah diterima, dicadangkan oleh Che Mazlan Saad dari Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd serta disokong oleh Linda Tan dari Integra Creative Media Sdn Bhd.

6.0 Pelantikan Juruaudit Dalaman (Internal Auditor) Untuk Tahun 2022
Juruaudit dalaman untuk tahun 2022 adalah Mohamed Nasser Mohamed dan Rachel Poon.

Pelantikan semula telah dicadangkan oleh Arief Hakim Sani Rahmat dari PTS Media Group Sdn Bhd dan disokong oleh Ahmad Hussein Thajudeen dari MDC Publications Sdn Bhd.

7.0 Pelantikan Juruaudit Luar (External Auditor) Untuk Tahun 2022
Juruaudit luar untuk tahun 2022 ialah F.W. Wong & Co. Pelantikan semula telah dicadangkan oleh Mohamed Nasser Mohamed dari Nuha Creative Resources dan disokong oleh Syazrul Aqram Iman Sulaiman dari Patriots Publishing Sdn. Bhd.

8.0 Hal-hal lain

8.1 Mohamed Nasser Mohamed dari Nuha Creative Resources
Anugerah Buku Malaysia ke-2 (ABM ke-2).
Mesyuarat dimaklumkan beberapa syarat penyertaan ABM ke-2 untuk pertimbangan AJK ABM. Antara cadangan adalah:

i. ahli MABOPA boleh menyerahkan penyertaan tanpa had jumlah tajuk dan bukan ahli hanya 3 tajuk setiap kategori.
ii. Penyertaan juga dibuka kepada semua tanpa perlu membuat pertukaran buku fizikal kepada e-buku.
iii. Isu pakej harga kadar pertukaran e-buku.

AJK ABM ke-2 memaklumkan mesyuarat bahawa akan memperhalusi cadangan ini. Mesyuarat juga dimaklumkan walaupun jumlah tajuk penyertaan setiap kategori sama namun harga yuran penyertaan adalah berbeza untuk ahli dan bukan ahli. Caj harga pertukaran dari e-Sentral adalah atas budi bicara mereka namun MABOPA akan membuat perbincangan dengan pihak e-sentral dan mencadangkan senarai harga untuk pertimbangan.

9.0 Penutup
Mesyuarat ditutup pada jam 11.19 pagi.

Disediakan oleh:	Disahkan oleh:
Sheikh Faisal Sheikh Mansor Setiausaha Kehormat	**Arief Hakim Sani Rahmat** Presiden

Lampiran A:
Senarai Kehadiran pada 23 April 2022, di Platform Zoom.

Bil	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil	Status wakil
1	202204	Adana Publishing	Norhayati binti Harun	Rasmi
2	202007	Akademi Jawi Malaysia	Norziati Mohd Mohd Rosman	Proksi
3	200615	Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd	Che Mazlan Bin Saad	Rasmi
4	200703	Aras Mega (M) Sdn. Bhd.	Sheikh Sirhan Bakatal bin Ahmad Bakatal	Rasmi
5	200404	Beh Er Publication Sdn Bhd	Jennifer Ng	Rasmi
6	201813	Dakwah Corner Bookstore	Siti Zalina Omar	Rasmi
7	200803	Galeri Ilmu Sdn Bhd	Hj Mohd Yusri bin Mohd Yusof	Rasmi
8	202209	Geroda Merah Resources	Mohd Herman bin Roslan	Rasmi
9	202209	Geroda Merah Resources	Sufi Rahman	Pemerhati
10	198210	Golden Books Centre Sdn Bhd	Abdul Muis Mohd Ali	Proksi
11	201106	Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd	Firdaus Hussamuddin	Pemerhati
12	201106	Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd	Azizi Fickry	Rasmi
13	198807	Hup lick publishing (n) sdn bhd	Lee Nai khang	Rasmi
14	198209	IBS Buku Sdn Bhd	M.T Balan	Rasmi
15	201905	IIUM Press	Roosfa Hashim	Rasmi
16	201512	Iman Publications	Fatin Syamimy Liana Badaruddin	Rasmi
17	202002	Integra Creative Media Sdn Bhd	Linda Tan	Rasmi
18	198507	International Law Book Services	Raja Mohammed Jamal	Proksi
19	200207	Kualiti Books Sdn Bhd	Yeo Chin Hean	Rasmi
20	199703	MDC Publishers Sdn Bhd	Ahmad Hussein Thajudeen	Rasmi
21	200710	Navision (M) Sdn. Bhd	Yap Chee Mun	Proksi
22	202009	Nuha Creative Resources	Mohamed Nasser Mohamed	Rasmi
23	202208	Nusa Centre	Aqmila Fitri	Proksi
24	200302	Odonata Publishing Sdn Bhd	Khor Shuqi	Rasmi
25	201901	Patriots Publishing Sdn. Bhd.	Syazrul Aqram Iman Sulaiman	Rasmi

Bil	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil	Status wakil
26	200718	Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd	Mohammad Haikal Bin Abdul Halim Pekan	Rasmi
27	200401	Penerbitan Bangi Sdn. Bhd	Wong Liang Sim	Rasmi
28	201801	Penerbitan Kata Pilar (M) Sdn Bhd	Rasydan Fitri	Proksi
29	200109	Penerbitan Nadi Ilmu Sdn. Bhd.	Nur Raihan Idris	Proksi
30	198201	Penerbitan Pelangi Sdn Bhd	Sum Lih Kang	Rasmi
31	201516	PTS Media Group Sdn Bhd	Arief Hakim Sani Rahmat	Rasmi
32	198606	Sasbadi Sdn Bhd	Chok Siew Sin	Rasmi
33	201715	Shake Book Projects Sdn Bhd	Sheikh Faisal Sheikh Mansor	Rasmi
34	197203	The Malaya Press Sdn Bhd	Lew Yok Long	Rasmi
35	200609	Uma Publications	Sivabalan Sothinathan	Rasmi
36	199008	United Publishing House (M) Sdn Bhd	Chai Jing Feng	Rasmi
37	201904	UUM Press	Mohammad Amzari Bakri	Proksi

[Mukasurat ini dibiarkan kosong dengan sengaja.]

4.0
Laporan Jawatankuasa Eksekutif
MABOPA 2022/2023

Portfolio EXCO

Berikut adalah senarai Portfolio Sesi 2021/2023

No.	Portfolio (Biro)	Nama AJK
1.	**Hubungan Kerajaan dan Agensi** ***(Government and Agency Relations)***	Arief Hakim Sani Rahmat Che Mazlan Saad Sheikh Faisal Sheikh Mansor
2.	**Penerbitan Akademik dan Buku Teks** ***(Academic and Textbook Publishing)***	S. Sivabalan Sum Lih Kang Chok Siew Sin Azizi Fickry
3.	**PBAKL dan Pesta-Pesta Buku Lain** ***(KLIBF and other Book Fairs)***	Arief Hakim Sani Rahmat Sheikh Faisal Sheikh Mansor Fatin Syamimy Liana Badaruddin Chok Siew Sin
4.	**Harta Intelek, Hak Cipta, Pelesenan & Kebebasan untuk Terbit** ***(Intellectual Property, Copyright, Licensing & Freedom to Publish)***	Ahmad Hussein Thajudeen Arief Hakim Sani Rahmat Linda Tan Lingard
5.	**Hubungan Antarabangsa** ***(International Relations)***	Arief Hakim Sani Rahmat Raymond Yeo Sheikh Faisal Sheikh Mansor
6.	**Anugerah Buku Malaysia & Promosi Buku dan Pembacaan** ***(Malaysian Book Awards & Book and Reading Promotions)***	Che Mazlan Saad Sheikh Faisal Sheikh Mansor Azizi Fickry Khor Shuqi Linda Tan Lingard

No.	Portfolio (Biro)	Nama AJK
7.	**Kewangan & Pengurusan Pejabat** ***(Finance & Office Administration)***	Sum Lih Kang
8.	**Keahlian & Sempadan Perniagaan Baharu** ***(Membership & New Business Frontiers)***	Syazrul Aqram Iman Sulaiman Khor Shuqi Raymond Yeo
9.	**Data dan Penyelidikan Industri** ***(Industry Data and Research)***	Fatin Syamimi Liana Badaruddin Syazrul Aqram Iman Sulaiman Linda Tan Lingard
10.	**Tanggungjawab Sosial Korporat & Tabung Buku MABOPA** ***(Corporate Social Responsibility & MABOPA Book Fund)***	Raymond Yeo Sheikh Faisal Sheikh Mansor
11	**Laman Web & Media Sosial** ***(Web & Social Media)***	Che Mazlan Saad Sheikh Faisal Sheikh Mansor Azizi Fickry Khor Shuqi Linda Tan Lingard

Senarai Kehadiran Mesyuarat Exco Sesi 2022/2023

Nama \ Tarikh	13/4/2022 (11)	20/7/2022 (12)	11/8/2022 (13)	28/9/2022 (14)	22/11/2022 (15)	28/12/2022 (16)	31/1/2023 (17)	22/2/2023 (18)	Total
Arief Hakim Sani Rahmat	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Che Mazlan Saad	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Raymond Yeo Chin Hean	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
S. Sivabalan	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Sheikh Faisal Sheikh Mansor	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Sum Lih Kang	/	/	/	/	0	/	/	/	7/8
Ahmed Hussain Thajudeen	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Fatin Syamimi Liana Badaruddin	/	/	/	/	0	/	/	/	7/8
Chok Siew Sin	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Azizi Fickry	/	/	/	/	/	0	/	/	7/8
Khor Shuqi	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Linda Tan Lingard	/	/	0	/	0	/	0	/	5/8
Syazrul Aqram Iman	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8
Total	13	13	12	13	10	12	12	13	

Laporan Jawatankuasa Eksekutif 2022/2023
1 April 2022 - 1 Mac 2023

Bahagian A : Persatuan

1. **Pejabat MABOPA**
   Berikut adalah peralatan pejabat ditambah baik setelah pejabat MABOPA dibuka semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diangkat ke fasa endemik:
   a. Penapis Air (Coway/Cuckoo) - tidak diteruskan kerana tiada keperluan mendesak.
   b. Wifi - Menukar penggunaan WIFI Unifi kepada lingkungan RM100-RM120 sebulan daripada RM200 sebulan.
   c. Mengganti 1 unit kaset daripada 2 unit penghawa dingin bilik mesyuarat yang telah rosak. Kos adalah RM4510.

2. **Laman Web MABOPA**
   Laman web MABOPA yang baharu di alamat https://www.mabopa.com.my/ telah dikemaskini dan dinaik taraf. Laman web ini membenarkan untuk ahli-ahli mengemaskini maklumat syarikat masing-masing melalui member portal di https://member.mabopa.com.my.

   Beberapa tambahan ciri telah diintegrasikan iaitu laman web Anugerah Buku Malaysia, laman web Educational Publishers Forum Malaysia serta maklumat pesta buku dalam dan luar negara.

3. **Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA**
   3.1. Mesyuarat Agung Tahunan ke-53
   Laporan tahunan MABOPA telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) setiap tahun melalui platfom eRoses. Pindaan perlembagaan telah berjaya dan diluluskan pada 26 Jun 2022. Perlembagaan MABOPA yang baharu adalah seperti di [Lampiran 1].

   3.2. Mesyuarat Agung Tahunan ke-54
   Mesyuarat Agung Tahunan ke-54 akan diadakan secara bersemuka pada 21 Mac 2023 di Hotel Armada Petaling Jaya.

4. **Tabung Buku MABOPA**
   Usul untuk penubuhan tabung dan penambahan maklumat dalam perlembagaan telah diterima dalam Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA ke-52. Penubuhan Tabung Buku MABOPA sedang diproses.

5. **Anugerah Buku Malaysia (ABM)**
   5.1. Anugerah Buku Malaysia 2020
   Piala pusingan dan plak telah disampaikan pada 7 Jun 2022 di Pentas Utama, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

5.2. Anugerah Buku Malaysia ke-2

Calon-calon Anugerah Buku Malaysia ke-2 telah diumumkan pada 6 Disember 2022 di dalam Majlis Pelancaran Anugerah Buku Malaysia ke-2 di Selangor International Book Fair. Proses penghakiman akan bermula selepas perkara teknikal selesai.

6. **Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020)**
Kesinambungan KLWBC2020 diteruskan dan MABOPA telah mencadang untuk menubuhkan KLWBC Office untuk menguruskan hal ehwal perhubungan dengan UNESCO dan juga sebagai penganjur dan penyelaras aktiviti-aktiviti perbukuan di sekitar Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada dasarnya telah bersetuju untuk menempatkan pejabat urusetia KLWBC Office di Perpustakaan Lembah Pantai.

Berikut adalah beberapa projek di bawah KLWBC:

a. **Projek Buku Coffee Table KLWBC**
Tajuk buku adalah Inspirasi Dunia Buku.

b. **Penajaan KLWBC**
Syarikat-syarikat dipelawa untuk menaja aktiviti-aktiviti KLWBC. Syarikat tersebut akan mendapat 10% pelepasan cukai dari Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan pengiktirafan dari UNESCO.

c. **Kuala Lumpur Readers and Writers Festival (KLRWF2023)**
KLRWF2023 dijadualkan berlangsung pada 18 dan 19 Mac 2023. Projek ini telah diuruskan oleh Tuan Haji Ishak Hamzah, Tuan Sheikh Faisal Sheikh Mansor dan Puan Zaiton Abu Samah.

7. **Malaysian Reprographic Rights Centre (MARC) Berhad**

a. **Seminar Managing Copyright in Malaysia Education**
Seminar ini anjuran MyIPO dan MARC dengan kerjasama WIPO telah berlangsung pada 18 Ogos 2022 di Ballroom 2, Pullman Hotel, Bangsar Kuala Lumpur. Di samping Presiden dan Ahmad Hussein yang juga mewakili MARC, MABOPA diwakili oleh Azizi Fikry dan Sivabalan Sothinathan [LAMPIRAN 2].

PENGISYTIHARAN MALAYSIA REPROGRAPHIC RIGHTS CENTRE BERHAD (MARC) SEBAGAI ORGANISASI PENGURUSAN KOLEKTIF MEWAKILI KARYA SASTERA, SENI, IMEJ DAN ILUSTRASI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos 2022 – Reprographic Rights Centre Malaysia Berhad (MARC) hari ini secara rasmi diumum menjadi badan pengurusan kolektif yang diiktiraf oleh kerajaan untuk menjalankan aktiviti kutipan royalti mewakili penulis, penerbit dan pelukis di dalam industri percetakan dan penerbitan di Malaysia. Penyerahan sijil pengisytiharannya, disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YB Dato' Rosol Wahid.

MARC merupakan pengurusan kolektif yang diisytihar oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang diberi kuasa mengutip royalti karya sastera, seni, imej dan ilustrasi serta mengeluarkan lesen penggunaan tersebut bagi pengguna di Malaysia.

Menurut YB Dato' Rosol Wahid, MARC berfungsi untuk memantau penggunaan semula karya cetak dan digital di seluruh negara termasuk di sekolah, universiti, perpustakaan dan pusat cetakan, dengan kerjasama entiti kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seterusnya mengutip royalti sebelum ia diagihkan kepada pemilik harta intelek tersebut.

Penubuhan dan pengiktiran MARC sebagai organisasi pengurusan kolektif antara lain akan memberi manfaat kepada ahli-ahlinya dalam menguruskan hak royalti di samping menjaga kebajikan mereka dalam industri percetakan dan penerbitan karya-karya sastera, seni, imej dan ilustrasi.

YB Dato' Rosol Wahid sebelum itu merasmikan Seminar Kebangsaan bertajuk "*Managing Copyright in Malaysia Education*" di sebuah hotel di sini. Seminar ini antara lain adalah bagi mengumpulkan mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan dan pengajian tinggi dalam membincangkan kepentingan hak harta intelek di dalam industri imej dan percetakan (reprografik) di Malaysia. Seminar ini juga adalah medan dan peluang terbaik bagi peserta untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan terkini hak reprografik antarabangsa dan perkembangan dalam negara.

Oleh : Unit Komunikasi Korporat

Pengkarya boleh tuntut royalti jika karya difotokopi

Oleh AZMI NORDIN 18 Ogos 2022, 12:35 pm

KUALA LUMPUR – Malaysia Reprographic Rights Centre Malaysia Berhad (MARC) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi menjaga kepentingan hak harta intelek dalam bidang reprografi terutama buat pengkarya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, MARC akan menjadi agensi yang akan mengawal dan mengutip bayaran royalti berkaitan bahan penulisan dan lukisan yang difotokopi tanpa kebenaran pengkarya.

Ujarnya, karya penulisan dan lukisan yang disalahguna sering berlaku dalam kalangan pelajar, justeru akan diberikan penekanan terutama kawasan seperti sekolah-sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT), perpustakaan, dan kedai fotokopi.

b. **Kempen Hak Cipta**
   MARC akan mengadakan Kempen Hak Cipta untuk membangkitkan kesedaran tentang betapa pentingnya isu ini dalam kalangan masyarakat.

8. Penerbitan Akademik dan Buku Teks

8.1. Menurunkan harga caj penilaian bahan bacaan tambahan

MABOPA telah memohon sekali lagi tahun ini untuk menurunkan harga caj penilaian bahan bacaan tambahan. MABOPA berharap dengan penurunan caj penilaian ini akan membolehkan lebih banyak buku berkualiti dihantar untuk penilaian.

8.2. Buku Cetak Semula (BCS)

Tender BCS untuk buku tamat kontrak diumumkan dan kontrak pembekal kali ini adalah selama 24 bulan. Oleh kerana Contract Order (CO) telah dikeluarkan lewat, menyebabkan kelewatan penghantaran buku-buku BCS ke sekolah-sekolah. Oleh itu CO baru akan diberikan dalam bulan Januari dan Februari bagi penghantaran yang belum selesai.

8.3. Educational Publishers Forum (EPF) Malaysia

Forum telah berlangsung pada 9 Ogos 2022 di Zoom dari jam 10.00 pagi - 5.00 petang.

Tiket telah dijual seperti berikut:

i. Warganegara - RM150
ii. Antarabangsa - USD125
iii. Ahli MABOPA/Pelajar - Beli 1 Percuma 1 pada harga RM100
iv. IPA/ABPA - USD 75
v. Percuma - BSTP, BPK dan EPRD

Kami mengucapkan terima kasih kepada penaja yang telah memberi sumbangan untuk menjayakan acara ini. Terima kasih kepada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang telah memberi potongan cukai pendapatan sumbangan untuk penajaan aktiviti perbukuan. Setiap penajaan layak menuntut potongan cukai pendapatan sebanyak 10% daripada pendapatan agregat.

Bil.	Nama Syarikat (Seperti yang didaftarkan)	Jumlah (RM)
1.	Penerbitan Pelangi Sdn Bhd	RM 3,000.00
2.	Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd	RM 3,000.00
3.	PTS Publications & Distributors Sdn Bhd	RM 3,000.00
4.	Sasbadi Sdn Bhd	RM 3,000.00
5.	UMA Publications	RM 3,000.00
	Jumlah	**RM 15,000.00**

Video forum Andrea Schleicher dan penceramah lain dan sijil telah dimasukkan ke dalam laman web https://epf.mabopa.com.my/dan digunakan semaksimum mungkin sebagai sumber rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Nota terima kasih turut diberi kepada rakan strategik iaitu International Publishers Association (IPA), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan penaja [LAMPIRAN 3].

Wang saguhati turut diberi kepada AJK yang terlibat. Penghargaan turut diberi kepada Khor Shuqi yang telah membina laman web EPF yang sangat bermakna.

Terima kasih juga kepada Sum Lih Kang yang telah menyediakan draf ucapan KPPM.

Kertas cadangan telah diberi kepada BSTP untuk membawa forum ini sebagai acara tahunan pada masa hadapan dengan kerjasama KPM. Keputusan kerjasama ini hanya akan diketahui dalam bulan April 2023.

8.4. Seminar Buku Teks Masa Hadapan

Seminar ini dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober 2023 yang akan dianjurkan oleh KPM. MABOPA telah diberi dua slot untuk menyampaikan pandangan.

8.5. Lembaga Peperiksaan, KPM

8.5.1. Penerbitan Kertas Soalan Sebenar SPM

Pernyataan daripada penerbit Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd. yang tertera pada halaman pertama buku Kertas Soalan Peperiksaan Sebenar SPM 2021 terbitan 2022, memaklumkan bahawa mereka telah diberi hak eksklusif untuk menerbit, mencetak dan mengedar kertas sebenar SPM sejak tahun 2017 telah dirujuk kepada Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan, KPM [LAMPIRAN 4].

Merujuk kepada pengumuman syarikat di Bursa Malaysia pada 12 Oktober 2017, tempoh kontrak ini 5 tahun dari 1 Oktober 2017 hingga 30 September 2022.

Oleh itu MABOPA ingin mengetahui daripada pihak kementerian/ lembaga tentang isu tersebut:

i. status penerbitan kertas sebenar SPM selepas 30 September 2022.

ii. Notis Amaran yang dinyatakan pada halaman yang sama yang menimbulkan persoalan berikut:

a. Adakah penerbitan soalan ‘klon’ oleh pihak penerbit memerlukan kebenaran daripada mana-mana pihak? Di kalangan penerbit, soalan bersifat klon bukan disalin bulat-bulat daripada kertas sebenar. Berdasarkan ini, pihak MABOPA berpendapat bahawa sukar bagi mana-mana pihak untuk menuntut hak milik harta intelek bagi format soalan sahaja.

b. Adakah syarikat pemegang lesen hak cipta diberikan kuasa untuk mengambil tindakan mahkamah bagi pihak pemegang hak cipta kertas sebenar SPM, iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia/Kementerian Pendidikan Malaysia?

Pihak Lembaga Peperiksaan telah memberi maklum balas setelah merujuk dan mendapatkan maklumbalas dari Unit Undang-Undang KPM.

8.5.2. Cadangan Untuk Membuka Hak Penerbitan Untuk Soalan - Soalan Peperiksaan Tahun Lepas Yang Dikendalikan Oleh Lembaga Peperiksaan - MABOPA telah menghantar surat cadangan agar membuka hak penerbitan untuk soalan-soalan peperiksaan tahun lepas yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan, KPM.

9. Cetak Rompak Hak Cipta

9.1. Satu perjumpaan antara MABOPA dan Penguatkuasa KPDNHEP telah berlangsung. MABOPA memohon agar KPDNHEP dapat mengaturkan satu mesyuarat dengan LAZADA untuk membincangkan isu cetak rompak hak cipta di platform tersebut [LAMPIRAN 5a].

9.2. Hubungan baik antara Shopee dan MABOPA telah memudahkan MABOPA membantu ahli berkenaan isu cetak rompak di platform Shopee [LAMPIRAN 5b].

Sila rujuk pautan di bawah untuk melaporkan aktiviti cetak rompak di platform Shopee seperti berikut:
i. https://seller.shopee.com.my/edu/article/15083/report-IP-infringement-
ii.https://help.shopee.com.my/portal/webform/c585cda7a212489fadcb4be586093eda





11:11

Seller Education Hub

Search

Login to view history and more!

IP Infringement Policy

For us to better assist you in protecting your rights, you may be asked to provide supporting documentation to prove the existence and ownership of the claimed rights, and that the specific listing(s) reported constitute an infringement of said rights. For more details, please refer to Section 8 of **Shopee's Terms of Service.**

Here are some examples of documentation that may be required, depending on the nature of the infringement reported:

	Nature of infringement			
Supporting Documentation	**Trademark**	**Copyright**	**Industrial Design**	**Patent**
Letter of Authorisation	Yes, if you are not the IP owner or law firm			
Local IP Registration Certificate	Yes	Yes, if registrable in the region	Yes	Yes
Pictorial guidance and/or price list in local currency	Upon request by Shopee	N/A	N/A	N/A
Pictorial proof of copyrighted images/artwork used	N/A	Upon request by Shopee	N/A	N/A

⚠️ **Note**

It is each seller's own responsibility to ensure that th… products listed and the contents of listings, including product images and descriptions do not infringe IP … owned by any other party.

seller.shopee.com.my

10. Kaji Selidik Industri Buku

10.1. Kaji Selidik Tahun Kewangan 2021 dan 2022

Kaji selidik tahun kewangan 2021 dan 2022 sedang dibuat. Laporan penuh akan dimaklumkan dalam laporan tahunan akan datang.

10.2. Kajian Data Perbukuan Negara 2022/2023

Fatin Syamimy Liana Badaruddin adalah wakil MABOPA untuk kajian ini. Kajian ini adalah inisiatif daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Mesyuarat pertama telah berlangsung pada 25 November 2022 di Bilik Mesyuarat Lembaga, Menara PNM, Kuala Lumpur.

Mesyuarat dimaklumkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melantik Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM), Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, UM untuk membuat kajian data perbukuan negara dalam tempoh 12 September 2022 - 11 September 2023. Maklumat penuh adalah seperti pada [LAMPIRAN 6].

11. Baucar Buku Semarak Membaca (BBSM)

Baucar Buku Semarak Membaca 2023 dengan permohonan peruntukan sebanyak RM5 juta ke Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) tidak dapat diteruskan tahun ini kerana Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah bertukar ke Kementerian Perpaduan.

12. MABOPA Plus

Idea MABOPA Plus ditangguhkan dahulu dan fokus kepada mendapatkan keahlian baru dari penerbit tempatan.

13. Hal-hal Keahlian

13.1. Keahlian Baharu

1. Geroda Merah Resources (berkuatkuasa pada 13 April 2022)
